

ANALISIS HUKUM PENGLIBATAN WANITA SEBAGAI PENGEBOM BERANI MATI BAGI KUMPULAN EKSTREMISME AGAMA

A Jurisdiction Analysis on Women's Involvement as Suicide Bombers for Religious Extremist Groups

Muhd Imran Abd Razak*
Mohd Anuar Ramli**
Muhammad Yusri Yusof @Salleh***

ABSTRACT

Suicide bombing refers to someone who carries out a bomb attack with the intention of killing themselves as well as others. The destruction of human life, particularly involving women, without proper justification is considered contrary to religious and humanitarian values. However, there are extremist groups that use women to carry out suicide attacks that are oriented around religious arguments. Therefore, this study was conducted to analyze the fiqh perspectives on suicide attacks, particularly

-
- * Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies, MARA University of Technology, Perak Branch, 32610 Seri Iskandar, Perak (Corresponding Author). imranrazak@uitm.edu.my
- ** Associate Professor, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. mohdanuar@um.edu.my
- *** Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies, MARA University of Technology, Perak Branch, 32610 Seri Iskandar, Perak. yusri613@uitm.edu.my

those carried out by women in the Islamic State (IS) group. This qualitative study used a selected informant interview approach in addition to document analysis of the IS group's Dabiq magazine and other written materials. The results of the study show that suicide bombings, lone wolf attacks, and the like by women in the IS group against any infidels or those considered apostates are actions that are contrary to Islamic teachings. They are considered forbidden and sinful. However, scholars have differing views regarding suicide bombers that are specific only to the context of the Palestinian state and not other Islamic territories.

Keywords: *extremism, fiqh, suicide bombers, religious terrorism, women*

PENGENALAN

Aktiviti serangan bom berani mati oleh penganut fahaman yang melampau masih berlarutan sehingga masa kini.¹ Secara umumnya, fahaman yang melampau dan berbasiskan keganasan atau istilahnya ekstremisme sering dirujuk kepada ekstremisme agama kerana gerakan ekstremisme moden dikatakan banyak dipengaruhi oleh *religious motivation*.² Oleh itu, secara umumnya ekstremisme agama dalam kajian ini merujuk kepada fahaman

¹ Ahmad Suhael Adnan, "Malaysia Kutuk Serangan Bom Berani Mati di Jawa Barat", *Berita Harian*, 7 Disember 2022, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/12/1036697/malaysia-kutuk-serangan-bom-berani-ma-ti-di-jawa-barat>.

² Paul Wilkinson, *The Strategic Implications of Terrorism*, in *Terrorism & Political Violence. A Sourcebook* (India: Har-anand Publication, 2000), 8-9; Graeme Wood, "What ISIS Really Wants", *The Atlantic*, 16 February, 2015, <http://www.theatlantic.com/magazine/archive/2015/03/what-isis-really-wants/384980/>; Musselwhite, M. H., "ISIS & Eschatology: Apocalyptic Motivations Behind the Formation and Development of the Islamic State" (Tesis Kedoktoran, The Faculty of the Department of Philosophy and Religion, Western Kentucky University, Amerika, 2016), 6-8.

melampau yang cuba menyandarkan tindakan keganasan mereka kepada agama Islam walhal hakikatnya bertentangan dengan ajaran Islam.

Kumpulan Islamic State (IS) yang menjadi skop utama kajian ini pernah diisytiharkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebagai fenomena baru ancaman terhadap keselamatan dunia.³ Global Terrorism Index 2015 telah melaporkan kematian yang diklasifikasikan berpunca daripada aktiviti keganasan adalah berjumlah 32,685 orang. Merujuk rekod, kebanyakan jumlah kematian dicatatkan adalah di negara-negara majoriti umat Islam seperti di Syria, Iraq, Pakistan, Afghanistan dan Nigeria.⁴

Penglibatan golongan wanita dalam kumpulan IS di peringkat global secara aktif adalah sekitar 30%.⁵ International Centre for Counter Terrorism (ICCT) dalam satu kajian pada tahun 2016 menyatakan, mengikut laporan-laporan negara yang rakyat mereka terlibat, penglibatan wanita warga asing adalah sekitar 6% dan 30%.⁶ Kajian rekod yang dilakukan oleh Australian Strategic Policy Institute (ASPI) pada 2017 menyatakan anggaran jumlah wanita yang terlibat dalam kumpulan IS adalah seramai 6,200 orang daripada 31,000 jumlah keseluruhan pejuang kumpulan IS.⁷ Rekod yang dikeluarkan oleh International Centre for the Study of Radicalisation pada pertengahan tahun 2018 pula mencatatkan

³ United Nations Security Council, Resolution 2249, 20 November 2015, http://www.securitycouncilreport.org/atf/cf/%7B65BFCF9B-6D27-4E9C-8CD3-CF6E4FF96FF9%7D/s_res_2249.pdf

⁴ *Global Terrorism Index 2015* (Sydney: Institute for Economic & Peace, 2015), 2.

⁵ Speckhard, Anne, *Female Terrorist in ISIS, Al-Qaeda and 21st Century* (Kertas Kerja Persidangan The Mind of a Jihadist, Abu Dhabi, UAE, 2015).

⁶ Van Ginkel, B. and Entenmann, E., *The Foreign Fighters Phenomenon in the European Union: Profiles, Threats & Policies* (The Hague: ICCT, 2016), 49.

⁷ Sofia Patel, *The Sultanate of Women: Exploring female roles in perpetrating and preventing violent extremism* (Australian Strategic Policy Institute, 2017), lihat <https://www.aspi.org.au/publications/the-sultanate-of-womenexploring-female-roles-in-perpetrating-and-preventing-violent-extremism>.

jumlah keseluruhan wanita yang terlibat adalah seramai 4,761 orang daripada 41,490 jumlah keseluruhan pejuang kumpulan IS.⁸

SENARIO PENGLIBATAN WANITA SEBAGAI PENGEBOM BERANI MATI DALAM KUMPULAN EKSTREMISME AGAMA

Pengebom berani mati adalah merujuk kepada pihak yang meletupkan dan mengorbankan diri untuk membunuh sasaran musuh yang lebih ramai.⁹ Menurut rekod dan statistik, pengeboman jenis ini kebanyakannya dilakukan oleh kaum lelaki. Walau bagaimanapun, laporan menunjukkan bahawa kumpulan ekstremis agama turut menggunakan wanita bagi melancarkan serangan tersebut. Contohnya dapat dilihat dalam beberapa laporan tentang peristiwa seperti serangan menggunakan wanita yang telah dilakukan di wilayah Mosul, Iraq. Ia telah menyasarkan kedudukan tentera Iraq dan pakatan Amerika yang mengakibatkan berbelas kematian dan kecederaan di pihak tentera.¹⁰

The Times London pula melaporkan pada Julai 2017 terdapat 20 serangan menggunakan wanita khususnya isteri-isteri pejuang IS dilakukan sekitar Iraq dengan modus operandinya berselindung di sebalik orang-orang awam yang melarikan diri daripada peperangan dan meletupkan jaket bom yang terselindung di sebalik pakaian mereka.¹¹ Akhbar Newsweek menyifatkan pihak berkuasa telah memandang rendah keupayaan wanita kerana secara tradisinya wanita tidak terlibat dalam kegiatan jihad

⁸ Cook, J. & Vale, G., *From Daesh to Diaspora: Tracing the Women and Minors of Islamic State* (London: International Centre for Study of Radicalisation, King's College, 2018), 21.

⁹ Ganor, B., *The First Iraqi Suicide Bombing-A Hint of things to Come?* (International Institute for Counter-Terrorism, 2003).

¹⁰ Ahmed Jadallah, "Female Suicide Bomber Kill Iraqi Soldiers in Fight for Mosul", *CBS News*, 3 Julai 2017, <http://www.cbsnews.com/news/female-suicide-bombers-kill-iraqi-soldiers-fight-for-mosul/>.

¹¹ Ammar Shamary, "ISIS Turns to Jihadist Brides in Last-Ditch Attempt to Hold off Iraqi Forces in Mosul", *The Times*, 5 Julai 2017, <https://www.thetimes.co.uk/edition/world/isis-turns-to-jihadist-brides-in-last-ditch-attempt-to-hold-off-iraqi-forces-in-mosul-v9gzndb6l>.

lapangan tersebut.¹² Hakikatnya, perkaitan serangan bom berani mati oleh wanita bukanlah berita asing di Nigeria. Kumpulan Boko Haram yang merupakan sekutu bagi IS¹³ memang sudah lama menggunakan wanita muda yang diculik atau yang terpengaruh dengan propaganda mereka sebagai pengebom berani mati.¹⁴ CNN melaporkan sehingga Ogos 2017 sahaja, seramai 80 orang pengebom berani mati wanita dikesan terlibat mengorbankan diri.¹⁵

Menurut Anaedozie, kegiatan menggunakan wanita sebagai pengebom berani mati oleh kumpulan Boko Haram dikesan bermula pada tahun 2014. Ciri fizikal wanita yang kurang untuk diperiksa oleh pihak berkuasa dikenalpasti antara punca utama kes pengeboman berani mati yang dilancarkan sukar dikesan.¹⁶ Memetik dapatan kajian Combating Terrorism Center at West Point yang dikeluarkan pada Ogos 2017, daripada 11 April 2011 hingga 30 Jun 2017, sebanyak 238 operasi berani mati telah dilancarkan oleh kumpulan Boko Haram di pelbagai tempat. 56% daripada

¹² Moore, J, "ISIS Unleashes Dozens of Female Suicide Bombers in Battle for Mosul, *Newsweek*, 5 Julai 2017, <http://www.newsweek.com/isis-female-suicide-bombers-battle-mosul-631846>.

¹³ Elbagir, N., Cruickshank, P. & Mohammed Tawfeeq, "Boko Haram Purportedly Pledges Allegiance to ISIS", *CNN*, 9 Mac 2015, <http://edition.cnn.com/2015/03/07/africa/nigeria-boko-haram-isis/index.html>.

¹⁴ Guilbert, K., "Chibok Abduction Outrage Inspired Nigeria's Boko Haram to Deploy Female Suicide Bombers", *Reuters*, 17 Ogos 2017, <https://www.reuters.com/article/us-nigeria-boko-haram-idUSKCN1AU14E>.

¹⁵ Kriel, R., "Boko Haram Favors Women, Children as Suicide Bombers, Study Reveals", *CNN*, 11 Ogos 2017, <http://edition.cnn.com/2017/08/10/africa/boko-haram-women-children-suicide-bombers/index.html>.

¹⁶ Anaedozie, F., "Has the Emergence of Female Suicide Bombers in Nigeria Depicted the Exploitation of Feminine Vulnerability? A Critical Appraisal of Boko Haram's Female Suicide Bombers in Nigeria", *International Journal of Innovative Research & Development* 8, no. 3 (2016): 224-225.

pelakunya adalah golongan wanita.¹⁷ Jika dilihat kajian-kajian tentang penglibatan wanita IS di Iraq dan Syria pula, peranan mereka sebagai pengebom berani mati dan aktiviti kombat di sana menjadi pertikaian kerana tiada bukti yang jelas.¹⁸ Hanya laporan berita yang menyatakan wanita yang meletupkan diri di beberapa tempat di Iraq mewakili kumpulan IS.

Walau bagaimanapun, hal ini tidaklah bermaksud kumpulan IS menghalang wanita mereka melakukan pengeboman berani mati, bahkan mereka memang didapati menggalakkan serangan-serangan berbentuk *lone wolf* dan berani mati khususnya di negara-negara Barat atau yang digelar *dār al-kufr*.¹⁹ Begitu juga tentang penglibatan wanita Malaysia dalam kumpulan IS, setakat kajian ini ditulis belum terdapat rekod yang menunjukkan terdapat wanita Malaysia yang terlibat melakukan serangan bom berani mati walaupun terdapat kes wanita yang cuba melakukan serangan *lone wolf* melanggar pengundi bukan Islam semasa hari pilihanraya Malaysia.²⁰ Namun demikian, kes bom berani mati melibatkan seorang ibu dan anak-anaknya di Surabaya memberikan petunjuk kepada PDRM bahawa tidak mustahil kes sedemikian boleh

¹⁷ Jason Warner & Hilary Matfess, *Exploding Stereotypes: Characteristics of Boko Haram's Suicide Bombers* Jason Warner Hilary Matfess *The Unexpected Operational and Demographic* (USA: United States Military Academy, Department of Defense, or U.S. Government, 2017, IV.

¹⁸ Kneip, K., "Female Jihad – Women in the ISIS", *POLITICON the IAPSS Academic Journal* 29, no. 89 (2016): 88-106; Terdapat laporan kajian yang menunjukkan kumpulan IS mula menyediakan wanita-wanita Arab untuk dijadikan pengebom berani mati, namun ia masih di peringkat pemantauan, lihat Speckhard, *ISIS Ready to Activate an "All Female" Suicide Brigade*, <http://www.icsve.org/brief-reports/isis-readying-to-activate-an-all-female-suicide-brigade/>.

¹⁹ Terror Gone Viral Overview of The 100+ Isis-Linked Plots Against The West, *House Homeland Security Committee Majority Staff Report 2014-2016* (Homeland Security Committee, USA, 2016), 7-15.

²⁰ Nuraina Hanis Abd Halim, "Ketua Sel Daesh Wanita Pertama Malaysia", *Utusan Malaysia*, 18 Julai 2018, <http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/ketua-sel-daesh-wanita-pertama-malaysia-1.711770>.

berlaku di Malaysia jika tidak dipantau dengan berkesan. Menurut mantan Penolong Pengarah Counter Terrorism, Cawangan Khas (E8), Bukit Aman:

“Dan yang terakhir ni, yang paling agresif ni, depa merekrut lah. Ada yang baru ni kita tangkap seorang suri rumah 51 tahun, kita tangkap dia pada hari mengundi 9 Mei. Dia ni suri rumah, pakai purdah. Rancangan dia tu dia nak bawa kenderaan langgar pengundi Cina dekat Puchong. Dia nak ikut kaedah yang digunakan di Perancis, UK, bawa kenderaan langgar orang kan. So sebelum dia pergi, keluar rumah kita dapat tangkap lah”.

“Di Malaysia ni, kita jangan mengambil ringan peranan wanita, apa yang dah berlaku dekat Indonesia tak mustahil berlaku dekat Malaysia. Dan kita dah tangkap macam yang saya kata tadi umur perempuan 51 tahun tadi, suri rumah. So, peranan memang besar lah” (inf1/Tbl/BKTAMN/16/07/2018).

Serangan-serangan *lone wolf* sememangnya begitu digalakkan oleh kumpulan IS. Hal ini dapat dibuktikan melalui majalah rasmi mereka, *Dabiq* berkenaan peranan wanita dalam jihad dan laporan kes *lone wolf*. Penjelasan awal majalah *Dabiq* yang mengatakan peranan wanita dalam jihad ‘tidak mengangkat senjata kecuali terdesak’ dikesan mempunyai kontradiksi dengan tindakan yang dilakukan oleh pengikut mereka yang melakukan serangan *lone wolf*. Mereka jelas bersetuju dengan tindakan tersebut walaupun bertentangan dengan prinsip mereka sendiri. Laporan *Dabiq* menjelaskan:

“The case on the 20th of Safar when Syed Rizwan Farook and his wife Tashfeen Malik carried out an attack on the kuffar in San Bernardino, California and succeeded in killing 14 of them and wounding 22 more. As the operation took place, Tashfeen Malik made a post online reaffirming their bay’ah to AmīrulMu’minīn, Shaykh Abū Bakr al-Baghdādī (hafīzahullāh). She and her husband then engaged

in a shootout with security forces and were killed, thereby attaining shahādah in the path of Allah. We consider them so, and Allah is their judge. Thus, the Khilāfah's call for the Muslims to strike the crusaders in their own lands was answered once more, but on this particular occasion the attack was unique. The mujāhid involved did not suffice with embarking upon the noble path of jihād alone. Rather, he conducted the operation together with his wife, with the two thereby aiding one another in righteousness and taqwā".²¹

Sememangnya serangan *lone wolf* merupakan ancaman terbesar kumpulan IS kepada penduduk dunia dan citra Islam. Ia merupakan seruan khusus bagi penyokong-penyokong kumpulan IS yang tidak melakukan hijrah dan berbaiah secara *online* sahaja disebabkan kekangan pihak berkuasa negara masing-masing untuk berhijrah. Seruan melakukan serangan *lone wolf* contohnya dapat dilihat:

“So O muwahhid, do not let this battle pass you by wherever you may be. You must strike the soldiers, patrons, and troops of the tawāghīt. Strike their police, security, and intelligence members, as well as their treacherous agents. Destroy their beds. Embitter their lives for them and busy them with themselves. If you can kill a disbelieving American or European – especially the spiteful and filthy French – or an Australian, or a Canadian, or any other disbeliever from the disbelievers waging war, including the citizens of the countries that entered into a coalition against the Islamic State, then rely upon Allah, and kill him in any manner or way however it may be. Do not ask for anyone's advice and do not seek anyone's verdict. Kill the disbeliever whether he is civilian or military, for they have the same ruling.” - Shaykh

²¹ “The Rafidah from Ibn Saba’ to the Dajjal”, *Dabiq* 13, 19 Januari 2016, <http://clarionproject.org/wp-content/uploads/Issue-13-the-rafidah.pdf>, 3.

Abū Muhammad al-‘Adnānī ash-Shāmī’.²²

“Every Muslim should get out of his house, find a crusader, and kill him. It is important that the killing becomes attributed to patrons of the Islamic State who have obeyed its leadership. This can easily be done with anonymity. Otherwise, crusader media makes such attacks appear to be random killings”.²³

“So O muwahhid... O you who believes in walā’ and barā’... will you leave the American, the Frenchman, or any of their allies to walk safely upon the earth while the armies of the crusaders strike the lands of the Muslims not differentiating between a civilian and fighter? They have killed nine Muslim women three days ago by striking a bus transporting them from Shāmto Iraq. Will you leave the disbeliever to sleep safely at home while the Muslim women and children shiver with fear of the roars of the crusader airplanes above their heads day and night? How can you enjoy life and sleep while not aiding your brothers, not casting fear into the hearts of the cross worshippers, and not responding to their strikes with multitudes more? So O muwahhid wherever you may be, hinder those who want to harm your brothers and state as much as you can. The best thing you can do is to strive to your best and kill any disbeliever, whether he be French, American, or from any of their allies”.²⁴

Secara jelas melalui petikan ayat-ayat tersebut, kumpulan IS menggalakkan sesiapa sahaja termasuk wanita dalam melakukan serangan keganasan ke atas ‘musuh’ di tempat masing-masing. Dalam konteks tersebut, matlamat menakutkan orang-orang kafir dengan membunuh sebahagian mereka lebih diutamakan daripada aspek hukum asal serangan berani mati tersebut.

²² “The Fail Crusade”. *Dabiq* 4, 9.

²³ *Ibid*, 44.

²⁴ *Ibid*, 9.

Seperti fahaman dan tindakan-tindakan mereka yang lain, ayat-ayat al-Quran dan hadis selalu dijadikan sandaran hujah. Bagi menghalalkan serangan berani mati oleh wanita di tempat awam, mereka berhujah dengan dalil-dalil:

*“Allah SWT said, {The believing men and believing women are allies of one another. They enjoin what is right and forbid what is wrong and establish prayer and give zakah and obey Allah and His Messenger. Those – Allah Foreword will have mercy upon them. Indeed, Allah is Exalted in Might and Wise} [At-Tawbah: 71]. The Prophet said, “May Allah have mercy upon a man who gets up at night and prays and then wakes up his wife who then prays, and if she refuses, sprinkles water on her face. May Allah have mercy upon a woman who gets up at night and prays and then wakes up her husband who then prays, and if he refuses, sprinkles water on his face” [Reported by Abū Dāwūd, an-Nasā’ī, and others from Abū Hurayrah]. If this is the du’ā’ of the Prophet for a husband and wife who aid each other in getting up for qiyām al-layl, how much more deserving of Allah’s blessing are a husband and wife who march out together to fight the crusaders in defense of the Khilāfah!”*²⁵

Allah SWT said, {Indeed, those who have said, “Our Lord is Allah” and then remained on a right course – the angels will descend upon them, saying, “Do not fear and do not grieve but receive good tidings of Jannah, which you were promised. We [angels] were your allies in the worldly life and are so in the Hereafter”} [Fussilat: 30-31]. Imām Mujāhid, the famous mufassir of the Tābi’īn, said that the meaning of {Do not fear and do not grieve} is, “Do not fear that which you are heading to of the affairs of the Hereafter, and do not grieve over what you’ve

²⁵ “The Rafidah from Ibn Saba’ to the Dajjal”, *Dabiq* 13, 4.

*left behind of your Dunyā, including family and children, for we will look after all of that for you” [At-Tabarī]”.*²⁶

Dalil-dalil yang digunakan kumpulan IS dalam isu serangan berani mati oleh wanita ini bertentangan dengan fahaman konservatif mereka bahawa jihad wanita bukanlah dengan cara mengangkat senjata kecuali jika terpaksa mempertahankan diri. Menyerang di negara-negara ‘kafir’ bukan sahaja tiada unsur ‘terpaksa’, bahkan melanggar hukum jihad Islam dan membawa mudarat yang lebih besar terhadap diri dan agama.

Kesimpulannya, walaupun wanita secara teorinya wanita digambarkan tidak terlibat dalam aktiviti jihad di lapangan, aktiviti pengeboman berani mati oleh wanita adalah diiktiraf oleh kumpulan IS. Justeru itu, tidak hairan kumpulan-kumpulan yang berbaiah kepada IS seperti Boko Haram semakin aktif menggunakan wanita sebagai alat melakukan serangan. Realiti peranan wanita Malaysia dalam kumpulan IS pula menunjukkan belum ada serangan bom berani mati dilakukan, namun memang wujud cubaan serangan *lone wolf* yang menepati maksud bom berani mati. Oleh yang demikian, analisis hukum tentang pengebom berani mati wanita perlu dilakukan untuk mengetahui status sebenar hukum, dalil dan implikasinya seterusnya dapat dijadikan hujah melawan fahaman ekstremisme yang dianut oleh kumpulan IS khususnya menyentuh berkaitan wanita dan bom berani mati.

METODOLOGI KAJIAN

Pengkaji telah melakukan dua peringkat kajian, iaitu *pertama*, kajian kepustakaan dengan melakukan analisis terhadap bahan-bahan ilmiah bertulis. Paling utama, analisis dilakukan terhadap kandungan koleksi 15 siri majalah *Dabiq* bagi memahami permasalahan berkaitan kumpulan IS dan membina kerangka kajian. Metode Analisis Kandungan diaplikasikan pengkaji dalam kajian ini untuk menganalisis kepercayaan kumpulan, sikap,

²⁶ *Ibid.*

nilai dan idea menerusi dokumen yang dihasilkan.²⁷ Pengkaji telah memilih koleksi siri majalah Dabiq sebagai bahan dan skop utama kajian memandangkan ia mengandungi fahaman yang diperjuangkan oleh kumpulan IS dan dihasilkan oleh mereka sendiri.²⁸

Memandangkan majalah Dabiq merupakan bahan terlarang untuk dimiliki di Malaysia, pengkaji menggunakan medium internet untuk membaca dan menganalisis data-data yang terdapat dalam siri majalah tersebut. Fokus khusus analisis pengkaji adalah terhadap isu-isu wanita yang timbul. Namun, oleh kerana keseluruhan majalah Dabiq mengandungi maklumat-maklumat penting tentang fahaman ekstremisme agama dan latar kegiatan keganasan kumpulan IS, pengkaji mengaplikasikan metode analisis kandungan terhadap semua siri keluaran majalah tersebut. Analisis kandungan majalah Dabiq turut melibatkan rujukan silang terhadap video-video berkaitan kumpulan IS di laman YouTube serta kajian-kajian lepas yang dihasilkan berkaitan bahan tersebut dan media kumpulan ekstremisme agama yang lain.

Kedua, kajian lapangan dengan mengaplikasikan metode temu bual tiga informan terpilih, iaitu yang pertama, SAC Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay, mantan Penolong Pengarah Counter Terrorism, Cawangan Khas (E8), Bukit Aman.²⁹ Beliau merupakan individu penting Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam menangani ancaman kumpulan ekstremis di Malaysia sebelum ini. Informan kedua, Dr. Zamihan Mat Zin, merupakan bekas Ketua Unit Deradikalisasi, Bahagian Agama, Jabatan Penjara Malaysia, Kementerian Dalam Negeri (KDN). Beliau merupakan individu penting KDN yang melakukan proses deradikalisasi terhadap tahanan-tahanan ahli kumpulan ekstremis di Malaysia dan menjadi salah seorang ahli panel daripada 46 orang panel khas deradikalisasi lantikan KDN.³⁰ Manakala informan terakhir adalah Datuk Seri Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri, mantan Mufti Wilayah

²⁷ Syed Arabi Idid, *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*, c. 4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 105-108.

²⁸ Zamihan Mat Zain, temu bual bersama pengkaji, 4 Disember 2017.

²⁹ Ayob Khan Mydin Pitchay, temu bual bersama pengkaji, 16 Julai 2018.

³⁰ Zamihan Mat Zain, temu bual bersama pengkaji.

Persekutuan.³¹ Beliau mempunyai kepakaran dalam bidang Fiqh dan Usul dan mempunyai pengalaman yang luas di Syria serta telah menerbitkan beberapa tulisan berkaitan gejala ekstremisme agama dan krisis di Syria. Temu bual yang dijalankan kepada para informan terpilih tersebut adalah bertujuan untuk mengelaskan beberapa kod tertentu sebagai tema penting kajian ini.

Kedua-dua peringkat tersebut kemudiannya dianalisis bersama secara induktif dan komparatif untuk menjawab permasalahan utama kajian. Ia menghasilkan dapatan justifikasi hukum pengebom berani wanita dan realiti penglibatan golongan tersebut dalam kumpulan IS.

ANALISIS HUKUM PENGLIBATAN WANITA SEBAGAI PENGEBOM BERANI MATI

Hukum wanita terlibat sebagai pengebom berani mati adalah berkait rapat dengan perbincangan hukum tentang status melakukan serangan tersebut. Hal ini adalah kerana serangan berani mati menjadi perbincangan dalam kalangan sarjana sama ada termasuk dalam kategori jihad *fī sabīlillah* ataupun keganasan yang diharamkan oleh syarak.³² Bagi para ulama yang menghukum harus melakukan serangan tersebut dengan syarat dan pertimbangan tertentu, status wanita yang terlibat melakukan serangan adalah berkait dengan peranan wanita dalam jihad *al-difā'*.³³ Manakala bagi ulama yang menghukum sebaliknya, secara jelas wanita mahupun lelaki sama-sama diharamkan melakukan serangan berani mati walau dengan apa jua justifikasi.³⁴

Merujuk kepada literatur, perbincangan tentang status hukum pengebom berani mati bukanlah perkara yang baru. Di era

³¹ Zulkifli Mohamad al-Bakri, temu bual bersama pengkaji, 18 Disember 2017.

³² Imam Mustofa, "Bom Bunuh diri: Antara Jihad dan Teror", *Istishab dan Penerapannya dalam Hukum Islam* 5, no. 1 (2011): 3-12.

³³ Al-Qaraḍāwī, Muḥammad Yūsuf, *Fiqh al-Jihād: Dirāsah Muqāranah li aḥkāmihī wa falsafatihī fī daw al-Qurān wa al-Sunnah*, jil. 2 (Qāhīrah: Maktabah Waḥbah, 2009), 1198-1197.

³⁴ Rusli, "Suicide Terrorism: Menelusuri Justifikasi Fikih dalam Literatur Jihad Kontemporer", *al-Tahrir* 13, no. 2 (2013): 361-363.

moden, perbincangan tentangnya telah bermula sejak awal tahun 1990an dengan pelbagai fatwa dan kajian ilmiah diterbitkan bagi menjelaskan hukum berkaitan selepas siri serangan tersebut mula dipopularkan oleh kumpulan Hizbullah pada tahun 1980an.³⁵ Ianya dilakukan secara khusus merujuk isu pengebom berani mati di wilayah Palestin yang mencetuskan persoalan tentang status pelaku sama ada dihukum syahid atau melanggar batas agama.³⁶

Ringkasnya, para ulama dan sarjana kontemporari berbeza pendapat dalam menghukum status pengebom berani mati tersebut. Menurut Mohamad Zulkifli al-Bakri:

“Masalah niterbahagi kepada dua, ulama menyatakan apa hukum ni hukum macam ini berdasarkan apa matlamat akan datang, apa tujuannya, sebab itu dalam isu masalah pengebom berani mati di Israel, kebanyakan ulama berpandangan hukumnya diharuskan. Tapi untuk bom dengan membabitkan orang awam, civilian mati, dan orang yang tidak dianggap bersalah di situ juga terkorban, maka ini tidak dibenarkan. Jadi kena tengoklah, dua keadaan. Ada masa hukumnya dibolehkan, ada masa tak dibolehkan. Jadi hukum pengebom berani mati pada asasnya tak dibolehkan kecuali di tempat yang tertentu, dengan dawabit tertentu, dengan keadaan tertentu dan selamat orang-orang tertentu. Ok.”
(inf3/Tbl/PMW/18/12/2017).

Walaupun majoriti menghukum perbuatan tersebut dibenarkan syarak dan pelakunya adalah syahid, terdapat juga sebilangan

³⁵ Muhammad Munir, “Suicide Attacks and Islamic Law,” *International Review of Road Cross* 90, no. 869 (March 2008): 71-72.

³⁶ Al-Takrūrī, Nawāf Hāyil. *al-‘Amaliyyāt al-Istishhādiyyāt fī al-Mizānī al-Fiqhī*. Beirut: Dār al-Fikr, 1997.

yang tidak bersetuju.³⁷ Mereka yang tidak bersetuju berhujah dengan larangan al-Quran tentang perbuatan mencampakkan diri dalam kebinasaan. Firman Allah SWT:

وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ

Terjemahan: “..dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan..”

(Surah al-Baqarah (2): 195)

Ayat al-Quran tersebut dijadikan sandaran bersama dengan hadis-hadis larangan Rasulullah SAW tentang membunuh orang awam yang tidak terlibat dalam peperangan.

Para ulama yang menghukum sebaliknya pula berhujah dengan niat pelakunya yang murni, hujah para fuqaha silam dalam isu ‘*al-tatarrus*’, kisah-kisah sejarah Islam terdahulu tentang pengorbanan individu mengorbankan diri demi kedaulatan Islam dan juga realiti di negara Palestin.³⁸ Para fuqaha silam memang dilihat membincangkan hal tersebut di bawah perbincangan ‘*al-tatarrus*’, iaitu perisai manusia (orang Islam atau orang awam) yang dibina oleh pihak musuh Islam untuk menghalang serangan pihak tentera Islam. Walaupun ia bukanlah jenis serangan yang sama, maksud dan implikasinya dilihat mempunyai persamaan sehingga sarjana terkemudian menjadikan hujah para ulama silam tentang *al-tatarrus* sebagai panduan melalui metode *al-Qiyās*.

³⁷ Mereka antaranya terdiri daripada Majlis Fatwa Ulama Jordan, Rabitah Ulama Palestin, Majlis Fatwa Ulama Pakistan Peringkat Kebangsaan, Rabitah ‘Alam al-Islāmī, Jabhah Ulama al-Azhar, lihat Majmū’ah min al-‘Ulamā’, *Ḥukm al-‘Amaliyyah al-Istishhādiyyah wa al-Rad ‘alā al-Mungālaṭāt wa al-Taḥrīfāt* (Amman: Majmū’ah min al-‘Ulamā’, 1996), 97-99; dan terdiri daripada kalangan ulama terkemuka seperti al-Zuhailī, al-Būṭī, al-Qaraḍāwī, al-Sha’rawī, al-Taṭṭawī dan ramai lagi, lihat al-Takrūrī, Nawāf Hāyil. *al-‘Amaliyyāt al-Istishhādiyyāt fī al-Mizānī al-Fiqhī*, 98-121.

³⁸ Mohd Johari Hussain, “*Operasi Mati Syahid Menurut al-Siyasah al-Shar‘iyyah*”, (Disertasi Sarjana, Jabatan Siyasah Syar‘iyyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003), 120-147.

Secara umumnya, para fuqaha empat mazhab telah bersepakat dalam membenarkan serangan terhadap musuh yang berperisaiakan manusia termasuk orang-orang Islam walaupun terpaksa mengorbankan nyawa mereka dengan syarat mereka berada dalam keadaan darurat.³⁹ Darurat yang dimaksudkan adalah:

- a) Tiada pilihan lain bagi pihak tentera Islam, iaitu pihak musuh telah menyerang bertalu-talu tanpa henti.⁴⁰
- b) Jika tidak menyerang perisai musuh tersebut, mereka akan diserang dan mendapat mudarat yang lebih besar.⁴¹
- c) Perisai manusia tersebut telah bercampur dan sukar dikenalpasti kedudukan orang Islam yang berada di sana.⁴²
- d) Keputusannya ditentukan oleh pemerintah Islam setelah mengambil kira segala pertimbangan (التصرف على الرعية منوط بالمصلحة).

Selain menggunakan hujah berkaitan hukum *al-tatarrus* sebagai sandaran, para ulama terkemudian yang menghukum syahid pengebom berani mati turut berhujah dengan beberapa kisah di zaman silam dan hujah para ulama. Antaranya adalah kisah *ashāb al-ukhdūd* tentang seorang budak yang sanggup mati demi mempertahankan akidahnya. Caranya yang mengajar raja yang kafir membunuh dirinya dengan nama Allah SWT telah berjaya menarik ramai rakyat memeluk Islam.⁴³ Melalui peristiwa tersebut juga para ulama daripada empat mazhab berhujah keharusan tindakan seseorang lelaki muslim untuk mengorbankan diri dalam menyerang kumpulan musuh walaupun dia menyedari

³⁹ Al-Takrūrī, *al-'Amaliyyāt al-Istishhādiyyāt*, 93.

⁴⁰ Al-Jaṣṣaṣ, Abī Bakar Aḥmad 'Alī al-Rāzī. *Aḥkām al-Qurān li al-Jaṣṣaṣ*, jil. 1. T.t.p: Dār al-Ihyā' al-Turāth al-'Arabi, t.t., 234.

⁴¹ Al-Ḥanbalī, Muḥammad Ḥussain al-Farra, *al-Aḥkām al-Sulṭaniyyah* (Qāhirah: Matba'ah al-Muṣṭafā al-Ḥalabī, 1938), 27.

⁴² Al-Nawāwī, Muḥyi al-Dīn. *al-Majmū' Sharḥ al-Muhadhdhab li al-Shirāzī*, jil. 2, Jeddah: Maktabah al-Irshād, t.t), 234.

⁴³ Al-Qurtubī, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*, jil 2 (Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, 1964), 363-364.

risiko besar akan terbunuh.⁴⁴ Hujah lain yang digunakan adalah kisah Habīb al-Najar dalam Surah Yāsin yang dibunuh penduduk sebuah kampung kerana mempertahankan akidahnya⁴⁵, kisah ‘Umair al-Hammām yang bersegera berperang dalam perang Badar lalu terbunuh, kisah al-Barrā’ bin Mālik yang dilontar ke dalam benteng musuh dalam perang Yamamah⁴⁶ dan banyak lagi peristiwa yang menunjukkan risiko mengorbankan nyawa demi kedaulatan Islam.

Selain daripada itu, kedudukan realiti umat Islam di Palestin turut dijadikan sandaran hujah. Kajian Mohd Johari Hussain menjelaskan, masyarakat Yahudi Israel adalah penceroboh tanah berdaulat Palestin dan telah merampas dan mencabuli hak-hak orang Islam termasuk Masjid al-Aqṣā di Palestin sejak tahun 1948. Walaupun tidak menjadi tentera sepenuh masa, golongan awam Yahudi di Palestin merupakan tentera kerahan yang sama statusnya dengan Askar Wataniah di Malaysia. Mereka boleh dan bersedia dikerah bila-bila masa sahaja untuk berperang. Selain itu, golongan awam Yahudi turut terbukti bersama-sama menindas dan membunuh orang Islam dengan zalim dan kejam dalam banyak peristiwa rakaman sejarah di Palestin.⁴⁷ Justeru itu, dengan pertimbangan secara komprehensif dan kolektif, majoriti para ulama kontemporari membenarkan operasi berani mati walaupun melibatkan orang awam Yahudi setelah menilai ianya adalah munasabah sebagai jalan jihad terakhir dan menepati kehendak-kehendak syariah yang sebenar.

Menilai kedua-dua pandangan yang berselisih tersebut, pengkaji mendapati hujah yang digunakan oleh majoriti ulama yang membenarkan serangan berani mati dilakukan termasuk oleh golongan wanita dengan melihat konteks serangan adalah lebih kuat dan kukuh. Ia adalah berdasarkan hujah-hujah berikut:

- a) Keharusan yang diberikan oleh mereka adalah dalam konteks jihad *al-difā’*. Dalam situasi mempertahankan diri dalam

⁴⁴ Ibn Taymiyyah, Aḥmad ‘Abd al-Ḥalīm, *Majmū’ Fatāwā*, jil. 28 (Qāhirah: Dār al-Wafā’, 2005), 296.

⁴⁵ Al-Qurtubī, *al-Jāmi’ li Ahkām al-Qur’ān*, jil 15, 14-16.

⁴⁶ Ibn Ḥibbān, Al-Hāfiẓ Ibn Ḥātim, *al-Sīrah al-Nabawīyyah wa Akhbār al-Khulafā’* (Bayrūt: Dār al-Fikr, t.t), 173.

⁴⁷ Mohd Johari, *Operasi Berani Mati Syahid*, 159-163.

peperangan, lelaki dan wanita adalah terlibat secara fardu ain.

- b) Keharusan yang diberikan adalah berpandukan konteks realiti negara Palestin pada masa tersebut yang mempunyai latar belakang yang khusus dan tidak mempunyai pilihan lain mempertahankan diri. Para ulama tidak meluaskannya kepada negara-negara Islam lain yang mempunyai latar realiti berbeza.
- c) Keharusan yang diberikan adalah dengan syarat yang cukup ketat. Serangan berani mati tidak boleh sewenang-wenangnya dilakukan tanpa memenuhi syarat-syarat tersebut. Apabila berlaku pelanggaran mana-mana syarat, ia dianggap serangan bunuh diri yang disepakati pengharamannya menurut syarak.⁴⁸
- d) Pandangan yang mengharamkannya dengan dalil al-Quran, Surah al-Baqarah, ayat 195 adalah kurang tepat dengan melihat kepada konteks ayat tersebut diturunkan. Ayat tersebut sebenarnya diturunkan sebagai teguran bagi kaum Ansar agar tidak mengutamakan harta dan membelakangkan urusan jihad pada jalan Allah.⁴⁹

Walaupun bagaimanapun, penting ditegaskan, hukum pengebom berani mati tersebut adalah bersifat khusus dalam konteks negara Palestin yang mempunyai latar belakangnya tersendiri. Melakukan qiyas dengan menyamakan tindakan pengeboman di negara-negara Islam atau negara-negara lain yang melibatkan orang awam tanpa mengambil kira latar belakang isu adalah suatu kesalahan yang dikira *qiyās ma‘a al-fāriq*.⁵⁰ Ini adalah kerana:

- a) Serangan bom berani mati di negara yang aman tidak termasuk dalam mana-mana kategori jihad, khususnya jihad *al-difā’*. Ia jelas diharamkan dilakukan sama ada oleh golongan lelaki ataupun wanita.
- b) Negara-negara Islam yang tidak melaksanakan hukum Islam atau negara-negara kafir yang aman tidak termasuk dalam fatwa para ulama yang membenarkan operasi serangan berani

⁴⁸ *Ibid.*

⁴⁹ Al-Qurtubī, *al-Jāmi‘ li Ahkām al-Qur‘ān*, 241.

⁵⁰ Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Jihād*, 1198-1197.

mati ini dilakukan.⁵¹

- c) Pandangan ulama terdahulu tentang *al-tatarrus* juga adalah khusus berkaitan situasi peperangan, bukan situasi negara yang berada dalam keadaan aman.⁵²
- d) Tidak menepati tahap darurat seperti yang telah digariskan para ulama yang membenarkan serangan berani mati dilakukan boleh membawa kepada mudarat yang lebih besar.
- e) Jihad rakyat Palestin menentang Yahudi Israel adalah disepakati oleh para ulama di seluruh dunia sebagai jihad yang *syar'ī*, sedangkan peperangan yang berlaku di negara-negara umat Islam kini merupakan fitnah besar yang perlu dihindarkan untuk mengelakkan mudarat lebih besar.

Oleh yang demikian, didapati siri-siri peristiwa pengeboman berani mati sejak peristiwa 9/11, siri serangan bom di Bali, Perancis, UK, Sepanyol dan lain-lain telah mendapat kecaman seluruh sarjana Islam termasuk para ulama yang membenarkan serangan berani mati di Palestin kerana ianya dilakukan tanpa menepati syarat-syarat ketat dan darurat seperti yang telah dijelaskan termasuk mengorbankan ramai orang awam yang tidak berkaitan.⁵³

Jika diteliti daripada latar belakang sejarah, kumpulan al-Qaeda yang merupakan kumpulan asal sebelum IS ditubuhkan memang berpandangan hukum bom berani adalah sebahagian daripada jihad yang dilakukan oleh kumpulan terbabit termasuk melibatkan kaum wanita. Mereka menyasarkan negara-negara Arab termasuk negara Palestin dan Chechnya. Mereka giat menggunakan medium internet bagi merekrut golongan wanita melakukan aksi tersebut.⁵⁴ Pandangan yang keras dan melampau ini turut dibuktikan dengan hujah yang digunakan oleh Imam

⁵¹ Al-Zuhaylī, Wahbah, *Athāru al-Harb fī al-Fiqh al-Islāmī Dirāsah Muqāranah* (Dimashq: Dār al-Fikir, 1998), 186.

⁵² Al-Takrūrī, *al-'Amaliyyāt al-Istishhādiyyāt*, 93.

⁵³ Dzulqarnain Muhamad Sanusi, *Meraih Kemuliaan Melalui Jihad Bukan Kenistaan* (t.t.p: Pustaka As-Sunnah, 2006), 181-196; *Al-Risālah al-Maftūhah ilā al-Duktūr Ibrāhim 'Iwād al-Badrī*, lihat www.lettertobaghdadi.com.

⁵⁴ Von Knop, K., "The Female Jihad: Al Qaeda's Women", 404.

Samudera dalam kes siri pengeboman di Bali.⁵⁵ Imam Samudera bukan sahaja berpandangan jihad adalah fardu ain bagi seluruh umat Islam di dunia, beliau turut menghalalkan pembunuhan dan operasi bom berani mati terhadap masyarakat awam kafir yang datang ke Indonesia daripada negara-negara Barat yang dianggap musuh Islam.⁵⁶

Oleh itu, jelaslah tindakan bom berani mati bukanlah sesuatu yang dibenarkan oleh Islam dan para sarjananya. Kebenaran hanya diberikan dalam kes khusus di Palestin dalam keadaan darurat dan mempunyai syarat yang ketat, namun fahaman ekstremisme meluaskan skop sewenang-wenangnya sehingga menimbulkan salah faham terhadap Islam dan para sarjananya.

Keseluruhan statistik berkenaan serangan berani mati daripada tahun 2006 hingga tahun 2016 yang dikeluarkan oleh Chicago Project on Security, University of Chicago (CPOST) menunjukkan beberapa perkara utama, iaitu:

- a) Serangan-serangan berani mati telah mengorbankan banyak nyawa yang begitu besar di seluruh dunia.
- b) Majoriti serangan berani mati adalah terdiri daripada orang Islam termasuk juga mangsanya yang terdiri daripada kalangan umat Islam sendiri.
- c) Walaupun majoriti mangsa serangan melibatkan pihak keselamatan, jumlah kedua terbesar yang menjadi mangsa adalah masyarakat awam.
- d) Serangan-serangan dilakukan di dunia Islam secara meluas, bukan hanya dalam negara Palestin.
- e) Kumpulan ekstremisme agama telah mewakili sebahagian besar daripada jumlah pelaku serangan berani mati.
- f) Penglibatan golongan wanita secara pasti dalam serangan berani mati hanya sekitar 4.5% berbanding 41.8% golongan lelaki. Namun demikian, masih terdapat 53.7% yang tidak

⁵⁵ Rahimin Affandi, Muhd Imran & Awang Azman, "Hujah Perbincangan Peristiwa Bom Bali Dalam Sorotan: Satu Analisis Dari Perspektif Islam", *MANU* 33, no. 2 (Disember, 2022), 1-20.

⁵⁶ Yoyo Hambali, "Hukum Bom Bunuh Diri Menurut Islam Radikal dan Islam Moderat", *Maslahah* 1, bil.1 (2010): 40-62.

dipastikan identiti gender pelakunya.

Pengkaji berpendapat, data-data yang menunjukkan kemudaran yang besar kepada Islam dan umatnya tersebut boleh dijadikan justifikasi terhadap keperluan penilaian semula fatwa-fatwa yang membenarkan serangan berani mati. Realiti sepuluh tahun kebelakangan ini menunjukkan fatwa-fatwa tersebut seolah-olah telah diseleweng dan dijadikan sebagai alasan bagi menghalalkan serangan-serangan berani mati yang mengorbankan banyak pihak tidak berdosa. Tambahan pula, terdapat fatwa-fatwa songsang yang dikeluarkan kumpulan ekstremisme agama tanpa pertimbangan yang benar mengikut disiplin ilmu Islam termasuk menggalakkan serangan-serangan berani mati dilakukan oleh para wanita telah menjejaskan *maṣlahah* wanita dan imej Islam dalam kalangan masyarakat bukan Islam antarabangsa. Data-data tentang penglibatan ramai wanita kumpulan IS dalam serangan berani mati dan *lone wolf* membuktikan kumpulan IS langsung tidak mengambil kira syarat-syarat ketat melakukan serangan seperti yang digariskan oleh para ulama.

Walaupun realiti semasa tidak menunjukkan statistik penglibatan wanita Malaysia dalam serangan berani mati, kes seorang ibu membawa dua anaknya melakukan serangan bom pada Mei 2018 di Surabaya, Indonesia menunjukkan terdapat risiko kemungkinan serangan yang sama boleh berlaku di Malaysia jika fahaman ekstremisme tersebut tidak ditangani dengan baik. Tambahan pula, sudah mula terdapat kes cubaan serangan membunuh orang bukan Islam dilakukan oleh wanita Malaysia pada April 2018. Ia seakan suatu *trend* baru kumpulan ekstremisme dengan menyasarkan negara-negara luar Iraq dan Syria dengan menggunakan wanita sebagai alat melancarkan serangan.

Justeru itu, dalam skop ini pengkaji ingin menegaskan bahawa penglibatan golongan wanita sebagai pengebom berani mati oleh kumpulan IS dan sekutunya di negara-negara selain Palestin adalah bertentangan dengan syariat Islam berdasarkan hakikat berikut:

- a) Hadis riwayat Abī Sa‘īd al-Khudrī RA, Rasulullah SAW bersabda:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

Terjemahan: “Tidak (boleh melakukan) kemudaratatan dan tidak (boleh) memudaratkan (orang lain).”⁵⁷

(Hadis Riwayat Ibn Mājah)

Hadis ini dengan jelas melarang umat Islam melakukan pelbagai kemudaratatan dan pada masa yang sama menyuruh mereka menghalang situasi yang boleh menimbulkan kesusahan. Ibn Rajab menegaskan syariat Islam sememangnya menolak kemudaratatan dalam pelbagai bentuknya dengan tegas dan juga telah mengharamkan sebarang perbuatan yang mendatangkan kemudaratatan kepada orang ramai.⁵⁸

- b) Rasulullah SAW tidak membenarkan wanita terlibat dalam jihad peperangan demi menjaga kemaslahatan mereka. Penyertaan mereka dalam jihad hanya dibolehkan jika bersesuaian dengan peranan atau situasi tiada pilihan (terpaksa). Melibatkan wanita sebagai pengebom berani mati sebagai modus operandi biasa adalah bertentangan dengan fitrah semulajadi wanita.
- c) Konsep *al-tatarrus* yang dibahaskan para fuqaha silam adalah berkaitan situasi peperangan. Walaupun para fuqaha membenarkan serangan dilakukan sekalipun akan mengorbankan orang Islam atau orang awam kerana dijadikan perisai, pengkaji belum menjumpai pandangan ulama yang menggalakkan penglibatan wanita dalam melakukan serangan tersebut. Hal ini juga dapat difahami berdasarkan fiqh jihad yang tidak mewajibkan penyertaan wanita dalam jihad peperangan.
- d) Para ulama kontemporari yang membenarkan operasi pengebom

⁵⁷ Sunan Ibn Mājah, Kitāb Abwāb al-Aḥkām, Mān Bunia fī Haqqihi mā Yaḍurru bijārihi, no. 2340, Ibn Mājah, Abī ‘Abd Allah Muḥammad Yazīd al-Rabī‘ī, “Sunan Ibn Mājah”, dlm. *Mausū‘ah al-Hadīth al-Sharīf*, 847.

⁵⁸ Ibn Rajab al-Ḥanbalī, Zain al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān, *Jāmi‘ al-‘Ulūm wa al-Hikam* (Dimashq: Dār Ibn Kathīr, 2008), 681.

berani mati dalam situasi peperangan dengan syarat yang ketat seperti tahap darurat, pertimbangan realiti dan tujuan seperti kes di negara Palestin. Operasi kumpulan IS di negara-negara yang bukan dalam medan peperangan atau berada dalam tahap darurat serta mempunyai realiti yang berbeza dari Palestin adalah bersalahan dengan pandangan para ulama tersebut.

- e) Penglibatan golongan wanita sebagai pengebom berani mati memberikan gambaran negatif terhadap imej wanita muslimah. Kajian sarjana Barat yang melihat pakaian wanita muslimah sebagai ancaman keganasan mendapat justifikasi dengan tindakan segelintir wanita muslimah itu sendiri seterusnya membawa fitnah besar terhadap syariat menutup aurat dalam Islam.
- f) Tujuan pengeboman berani mati atau serangan *lone wolf* yang batil. Para fuqaha yang membenarkan serangan berani mati dilakukan meletakkan syarat niat atau tujuan yang benar dan diiktiraf syarak. Fahaman *takfīr* dan tujuan kumpulan IS yang tidak diiktiraf dari sudut hukum dan undang-undang menjadikan perjuangan jihad mereka tidak diiktiraf apatah lagi sehingga mengorbankan banyak nyawa manusia yang tidak bersalah sedangkan ianya begitu dijaga dalam *maqāsid al-sharī'ah*.⁵⁹

KESIMPULAN

Jelasnya, serangan bom berani mati, *lone wolf* dan seumpamanya terhadap mana-mana orang kafir atau dianggap 'murtad' di negara masing-masing merupakan tindakan yang jelas bercanggah dengan prinsip-prinsip asas jihad dalam Islam. Penglibatan wanita sebagai pengebom berani mati dalam kumpulan IS pula merupakan kemuncak dalam menjelaskan bahawa kumpulan tersebut sanggup melakukan apa sahaja walaupun melanggar 'prinsip' mereka sendiri yang kononnya tidak melibatkan wanita dalam peperangan kombat. Semasa kajian ini ditulis, hanya

⁵⁹ 'Izz al-Dīn, 'Abd Salām, *al-Qawā'id al-Kubrā al-Mausūm bi qawā'id al-Aḥkām fī Iṣlāḥ al-Anām*, jil. 1 (Dār al-Qalam: Dimashq, t.t), 13; Al-Āmidī, *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*, jil. 3 (Dār al-Samī'iy: Riyād, 2003), 340.

terdapat satu laporan cubaan serangan membunuh orang kafir dilakukan oleh wanita Malaysia yang terlibat dengan kumpulan IS. Namun, sama seperti isu mengangkat senjata, justifikasi pengharaman serangan bom berani mati dilakukan oleh golongan wanita termasuk wanita Malaysia adalah jelas dengan mengambil kira pertimbangan tekstual dan kontekstual termasuk ideologi ekstremisme yang dianut oleh kumpulan IS.

RUJUKAN

- “The Fail Crusade.” *Dabiq* 4, 11 Oktober 2014. <https://clarionproject.org/docs/islamic-state-isis-magazine-Issue-4-the-failed-crusade.pdf>.
- “The Rafidah from Ibn Saba’ to the Dajjal.” *Dabiq* 13, 19 Januari 2016. <http://clarionproject.org/wp-content/uploads/Issue-13-the-rafidah.pdf>.
- “The Rafidah from Ibn Saba’ to the Dajjal.” *Dabiq* 13, 19 Januari 2016. <http://clarionproject.org/wp-content/uploads/Issue-13-the-rafidah.pdf>.
- Ahmad Suhael Adnan. “Malaysia Kutuk Serangan Bom Berani Mati di Jawa Barat”. *Berita Harian*, 7 Disember 2022. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/12/1036697/malaysia-kutuk-serangan-bom-berani-ma-ti-di-jawa-barat>.
- Ahmed Jadallah. “Female Suicide Bomber Kill Iraqi Soldiers in Fight for Mosul.” *CBS News*, 3 Julai 2017. <http://www.cbsnews.com/news/female-suicide-bombers-kill-iraqi-soldiers-fight-for-mosul/>.
- Al-Ḥanbalī, Muḥammad Ḥussain al-Farra. *al-Aḥkām al-Sulṭaniyyah*. Qāhirah: Matba‘ah al-Muṣṭafā al-Halabī, 1938.
- Al-Jaṣṣaṣ, Abī Bakar Aḥmad ‘Alī al-Rāzī. *Aḥkām al-Qurān lī al-Jaṣṣaṣ*, jil. 1. T.t.p: Dār al-Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabi, t.t.
- Al-Nawāwī, Muḥyi al-Dīn. *al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhadhdhab li al-Shirāzī*, jil. 19. Jeddah: Maktabah al-Irshād, t.t.
- Al-Qaraḍāwī, Muḥammad Yūsuf. *Fiqh al-Jihād: Dirāsah Muqāranah li aḥkāmihī wa falsafatihī fī daw al-Qurān wa al-Sunnah*. Qāhirah: Maktabah Waḥbah, 2009.

- Al-Takrūrī, Nawāf Hāyil. *al-‘Amaliyyāt al-Istishhādiyyāt fī al-Mizānī al-Fiqhī*. Beirut: Dār al-Fikr, 1997.
- Al-Zuhailī, Wahbah. *Athāru al-Harb fī al-Fiqh al-Islāmī Dirāsah Muqāranah*. Dimashq: Dār al-Fikir, 1998.
- Ammar Shamary. “ISIS Turns to Jihadist Brides in Last-Ditch Attempt to Hold off Iraqi Forces in Mosul.” *The Times*, 5 Julai 2017. <https://www.thetimes.co.uk/edition/world/isis-turns-to-jihadist-brides-in-last-ditch-attempt-to-hold-off-iraqi-forces-in-mosul-v9gzndb6l>.
- Anaadozie, F. “Has the Emergence of Female Suicide Bombers in Nigeria Depicted the Exploitation of Feminine Vulnerability? A Critical Appraisal of Boko Haram’s Female Suicide Bombers in Nigeria.” *International Journal of Innovative Research & Development* 8, no. 3 (2016), 224-225.
- Ayob Khan Mydin Pitchay. Temu bual bersama pengkaji. 16 Julai 2018.
- Cook, J. & Vale, G. *From Daesh to Diaspora: Tracing the Women and Minors of Islamic State*. London: International Centre for Study of Radicalisation, King’s College, 2018.
- Elbagir, N., Cruickshank, P. & Mohammed Tawfeeq. “Boko Haram Purportedly Pledges Allegiance to ISIS.” *CNN*, 9 Mac 2015. <http://edition.cnn.com/2015/03/07/africa/nigeria-boko-haram-isis/index.html>.
- Ganor, B. *The First Iraqi Suicide Bombing -A Hint of things to Come?*. International Institute for Counter-Terrorism, 2003.
- Global Terroism Index 2015*. Sydney: Institute for Economic & Peace, 2015.
- Guilbert, K. “Chibok Abduction Outrage Inspired Nigeria’s Boko Haram to Deploy Female Suicide Bombers.” *Reuters*, 17 Ogos 2017. <https://www.reuters.com/article/us-nigeria-boko-haram-idUSKCN1AU14E>.
- Ibn Ḥibbān, Al-Hāfiẓ Ibn Hātim. *al-Sīrah al-Nabawīyyah wa Akhbār al-Khulafā’*. Beirut: Dār al-Fikr, t.t.
- Ibn Rajab al-Ḥanbalī, Zain al-Dīn ‘Abd Al-Raḥmān. *Jāmi’ al-‘Ulūm wa al-Ḥikam*. Dimashq: Dār Ibn Kathīr, 2008.

- Ibn Taymiyyah, Aḥmad ‘Abd al-Ḥalīm. *Majmū‘ Fatāwā*. Qāhīrah: Dār al-Wafā’, 2005.
- Imam Mustofa. “Bom Bunuh diri: Antara Jihad dan Teror.” *Istishab dan Penerapannya dalam Hukum Islam* 5, no. 1 (2011): 3-12.
- Jason Warner & Hilary Matfess. *Exploding Stereotypes: Characteristics of Boko Haram’s Suicide Bombers* Jason Warner Hilary Matfess *The Unexpected Operational and Demographic*. USA: United States Military Academy, Department of Defense, or U.S. Government, 2017.
- Kneip, K. “Female Jihad – Women in the ISIS.” *POLITICON the IAPSS Academic Journal* 29, no. 89 (2016): 88-106.
- Kriel, R. “Boko Haram Favors Women, Children as Suicide Bombers, Study Reveals.” *CNN*, 11 Ogos 2017, <http://edition.cnn.com/2017/08/10/africa/boko-haram-women-children-suicide-bombers/index.html>.
- Mausū‘ah al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*. Ed. Ṣālih ‘Abd al-‘Azīz Al-Shaykh. Riyāḍ: Dār al-Salām, 2000.
- Mohd Johari Hussain. “Operasi Mati Syahid Menurut al-Siyasah al-Shar‘īyyah.” Disertasi Sarjana, Jabatan Siyasah Syar‘īyyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003.
- Moore, J. “ISIS Unleashes Dozens of Female Suicide Bombers in Battle for Mosul.” *Newsweek*, 5 Julai 2017. <http://www.newsweek.com/isis-female-suicide-bombers-battle-mosul-631846>.
- Nuraina Hanis Abd Halim. “Ketua Sel Daesh Wanita Pertama Malaysia.” *Utusan Malaysia*, 18 Julai 2018. <http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/ketua-sel-daesh-wanita-pertama-malaysia-1.711770>.
- Paul Wilkinson. “The Strategic Implications of Terrorism.” Dlm. *Terrorism & Political Violence. A Sourcebook*. India: Haranand Publication, 2000.
- Rusli. “Suicide Terrorism: Menelusuri Justifikasi Fikih dalam Literatur Jihad Kontemporer”. *Al-Tahrir* 13, no. 2 (2013): 361-363.

- Sofia Patel. *The Sultanate of Women: Exploring female roles in perpetrating and preventing violent extremism*. Australian Strategic Policy Institute, 2017. [https://www.aspi.org .au/publications/the-sultanate-of-womenexploring-female-roles-in-perpetrating-and-preventing-violent-extremism](https://www.aspi.org.au/publications/the-sultanate-of-womenexploring-female-roles-in-perpetrating-and-preventing-violent-extremism).
- Speckhard, Anne. *Female Terrorist in ISIS, Al-Qaeda and 21st Century*. Kertas Kerja Persidangan The Mind of a Jihadist, Abu Dhabi, UAE, 2015.
- Syed Arabi Idid. *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*, c. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003.
- Terror Gone Viral Overview of The 100+ Isis-Linked Plots Against The West. *House Homeland Security Committee Majority Staff Report 2014-2016*. Homeland Security Committee, USA.
- United Nations Security Council, Resolution 2249*, 20 November 2015. http://www.securitycouncilreport.org/atf/cf/%7B65BF9B-6D27-4E9C-8CD3-CF6E4FF96FF9%7D/s_res_2249.pdf
- Van Ginkel, B. and Entenmann, E. *The Foreign Fighters Phenomenon in the European Union: Profiles, Threats & Policies*. The Hague: ICCT, 2016.
- Zamihan Mat Zin. Temu bual bersama pengkaji. 4 Disember 2017.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. Temu bual bersama pengkaji. 18 Disember 2017.

